

# Seragam ajaran Islam —Dr. M

**KUALA LUMPUR, Isnin** — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berharap Persidangan Islam Antarabangsa yang bermula di sini esok akan dapat menyeragamkan strategi bagi membantu membangunkan ajaran Islam secara lebih berkesan.

Ajaran Islam, katanya, hendaklah berasaskan Al-Quran dan Sunnah Nabi.

Dalam perutusannya kepada persidangan itu, Perdana Menteri menambah pada pendapatnya antara cara paling berkesan membantu usaha-usaha muballigh

itu ialah menerusi penyelidikan dan mengkaji masalah-masalah.

Pada masa ini negara-negara Islam mempunyai ramai tokoh pendidikan dan pakar dalam berbagai pengajian kemasyarakatan yang perlu menyatupadukan usaha mengatasi masalah tersebut, terutama menerusi Persidangan dan Kerjasama Penyelidikan Antarabangsa, tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata sejak beberapa tahun lalu muballigh dari berbagai kaum telah menjalankan dakwa mereka dalam masyarakat masing-masing.

Di samping itu, persidangan mengenai kegiatan dakwah peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah dilangsungkan di sini dan lain-lain negara Islam.

"Dari pengalaman dan resolusi yang diperolehi dari persidangan-persidangan itu, adalah diharapkan masalah yang dihadapi oleh muballigh-muballigh Islam akan dapat dianalisa dan di atasi," tambah Perdana Menteri.

Persidangan terbaru ini bertemakan "Masalah-masalah Menghadapi Kegiatan Dakwah Islam di Persatuan-persatuan Islam dan strategi bagi masa depan" akan dihadiri oleh perwakilan dari 40 negara Islam.

Pengerusi Jawatankausa Penganturan, Datuk Haji Mohamad Nasir dalam perutusannya berkata persidangan itu boleh dianggap sebagai satu sumber inspirasi dalam hasrat kita untuk menyelesaikan pelbagai masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pendakwah-pendakwah Islam dalam usaha mereka untuk menyedarkan ajaran Islam di kalangan masyarakat Islam.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia